



Dokumentasi 5S/QE Ke Arah Pensijilan MPC

11 Mei 2017 (Khamis, 9.00pg - 3.30ptg)
Aras 1, Institut Pengurusan Kualiti, UUM

PENGENALAN

Bengkel ini adalah untuk membimbing dan membantu jabatan atau PTJ terpilih untuk mengetahui teknik mudah dan terbaik dalam usaha menyediakan dokumen—dokumen penting untuk Pensijilan 5S/QE Malaysian Productivity Corporation (MPC). Bengkel ini juga akan memberi pendedahkan kepada para peserta kaedah Amalan Persekitaran Berkualiti 5S/QE terbaik iaitu sehingga mampu menjadikan 5S/QE sebagai asas utama pembentukan persekitaran kerja yang kondusif dan berdaya saing.

OBJEKTIF

- Membantu memahami konsep 5S/QE yang sebenar;
- Mendedahkan teknik/tip mudah bagi mendapatkan persijilan 5S/QE MPC;
- Membentuk budaya kerja yang lebih sistematik dan berkesan;
- Mengoptimalkan penggunaan ruang kerja dengan pengurusan persekitaran yang berkualiti;
- Meningkatkan keupayaan untuk mencipta cara bekerja baru dan penghasilan idea-idea yang kreatif

KANDUNGAN PROGRAM

AMALAN 5S/QE

- Apa Itu 5S?
- 5 Fokus Utama Dalam 5S/QE
- Kepentingan Pensijilan MPC
- Proses ke arah pensijilan MPC

JAWATANKUASA INDUK 5S/QE

- Peranan Jawatankuasa Induk 5S/QE
- Pelaksanaan Amalan 5S/QE
- Pelan Pelaksanaan 5S /QE

JAWATANKUASA AUDIT 5S/QE

- Peranan Jawatankuasa Audit 5S/QE
- Pelan Pelaksanaan Jawatankuasa Audit 5S/QE
- Proses Pengaudit Zon mengikut kriteria MPC

JAWATANKUASA LATIHAN 5S/QE

- Peranan Jawatankuasa Latihan 5S/QE
- Pelan Pelaksanaan Jawatankuasa Latihan 5S

JAWATANKUASA PROMOSI 5S/QE

- Peranan Jawatankuasa Promosi & Dokumentasi 5S/QE
- Pelan Pelaksanaan 5S Jawatankuasa Promosi

PANDUAN ZON

- Pelan Pelaksanaan 5S Zon
- Perincian kriteria pemarkahan mengikut zon
- Inovasi zon dan individu

SESI LAWATAN PENANDAARAS 5S IPQ

- Lawatan persekitaran zon mengikut kriteria MPC



Profesor Dr. K. Kuperan Viswanathan adalah seorang pakar ekonomi sumber asli dengan pengalaman sebanyak 35 tahun dalam bidang ekonomi sumber, polisi dan pembangunan penyelidikan, peningkatan keupayaan penyelidikan sains sosial, pendidikan dan latihan. Beliau adalah ahli task force AACSB UUM dan pada masa ini bertugas sebagai professor di OYAGSB (Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business). Beliau juga bertugas sebagai Pengurus Daya Saing Nasional dan Global di Institut Pengurusan Kualiti



Siti Hajar Binti Mat Isa merupakan seorang Pegawai Penyelidik Sosial yang telah berkhidmat di Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) selama 4 tahun. Bertanggungjawab sebagai Ketua Jawatankuasa Latihan 5S. Beliau berpengalaman dalam mengendalikan agenda 5S universiti dan kumpulan KIK universiti.



Rozaima Binti Ilyas telah berkhidmat di Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) selama 15 tahun. Mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang MS ISO, 5S/QE dan kecemerlangan Jabatan. Telah dilantik sebagai Pengurus 5S/QE selama 3 tahun dan telah menjadi tonggak utama dalam kejayaan IPQ memperoleh pensijilan 5S/QE Malaysian Productivity Corporation (MPC). Di masa yang sama, turut berperanan penting dalam agenda kecemerlangan IPQ sehingga membolehkan IPQ meraih tempat pertama untuk kategori anugerah Pusat Tanggungjawab(PTJ) Sokongan Terbaik UUM untuk 2 tahun berturut-turut.



Sort

Set in Order

Shine

Standardize

Sustain

METODOLOGI: Ceramah, aktiviti berkumpulan dan lawatan 5S/QE

SIAPA PATUT HADIR: Jawatankuasa 5S mengikut jabatan atau PTJ.